

10/01/1997

Penduduk pinggir sungai dikenal pasti

TUARAN, Khamis - Pejabat Daerah Tuaran sedang mengenal pasti penduduk yang mendiami perkampungan di pinggir Sungai Tuaran, Tamparuli dan Kiulu untuk dipindahkan ke kawasan selamat.

Penolong Pegawai Daerah Tuaran, Wong Foo Tin, berkata proses itu termasuk menentukan sama ada mereka terbabit penduduk tempatan atau asing, dijangka mengambil masa satu hingga dua bulan.

"Laporan kajian itu akan dibawa dalam mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Daerah Tuaran untuk dibincangkan supaya jalan penyelesaian dapat diambil.

"Selepas itu, tugas pejabat daerah seterusnya mengenal pasti kawasan baru yang sesuai untuk menempatkan penduduk terbabit," katanya di sini, hari ini.

Semalam, Pemimpin Kemajuan Rakyat (PKR) Tamparuli, Sulaiman Sabri mendakwa kira-kira 1,000 rumah dengan 3,000 penduduk tempatan mendiami empat perkampungan pinggir Sungai Tamparuli diancam maut jika berlaku banjir kilat.

Katanya, ada rumah di penempatan itu kini hanya mempunyai jarak kurang 30 meter dari tebing selepas sungai berkenaan mengalami hakisan teruk akibat banjir.

Kampung Tamparuli, Telibong, Bantayan dan Damat yang wujud di pinggir Sungai Tamparuli boleh terhakis sekelip mata jika bencana alam seperti Ribut Greg melanda daerah itu pada masa depan.

Pada Sabtu lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menegaskan mengenai perlunya peraturan baru digubal melarang pembinaan penempatan di pinggir sungai untuk mengelak tragedi jika berlaku banjir.

(END)